



DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

(KOTA KINABALU CITY HALL)

No. 1, Jalan Bandaran, 88675 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 088-521800 Fax: 088-233815, 219175



KENYATAAN TENDER TERBUKA

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) **ATAU** Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan Dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dan Sijil Taraf Bumiputera (PUKONSA) dalam kelas, kepala, sub-kepala yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :-

Nombor dan Tajuk Tender	Harga Dokumen Tender	Tempat dan Tarikh Dokumen Tender Dijual	Syarat Pendaftaran	Tarikh Tutup Tender
TENDER TERBUKA DBKK/T1/2023 PROJEK MENAIKTARAF KAWASAN PERSEKITARAN PUSAT BANDARAYA KOTA KINABALU (3 SUB PROJEK)- PEMBINAAN JAMBATAN LALUAN BASIKAL DAN PEJALAN KAKI MENGHUBUNGI TELUK LIKAS	RM 1,000.00 Senaskah (Tidak dikembalikan)	Jabatan Perolehan Kontrak dan Tender DBKK, Tingkat 7, Centre Point Sabah, Kota Kinabalu Tarikh: 7 Mac 2023 hingga 28 Mac 2023	CIDB : GRED : G6 DAN Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Kategori : CE Pengkhususan CE21,CE02,CE10 Berdaftar dengan LPIPM (CIDB) ATAU PUKONSA : KELAS A Kepala : I Sub-Kepala : 1 Sub-Kepala : 2 Kepala : IV Sub-Kepala : 2	28 Mac 2023 Selasa (tidak lewat dari 12.00 Tengahari)

Naskah Meja Tender boleh disemak di Jabatan Perolehan Kontrak dan Tender DBKK, Tingkat 7, Centre Point Sabah, pada waktu pejabat. Bayaran dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang** di atas nama **Dewan Bandaraya Kota Kinabalu** (bayaran tidak akan dikembalikan).

Kontraktor-kontraktor adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri :

1. Taklimat tender pada **07 Mac 2023 (Selasa), 9.00 pagi** bertempat di Dewan PUSPANITA DBKK, Tingkat 7, Bangunan Centre Point, 88675 Kota Kinabalu.
2. Lawatan Tapak pada **07 Mac 2023 (Selasa), 11.00 pagi**.

Sebuah syarikat hanya boleh mewakilkan seorang sahaja iaitu hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.

Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor-kontraktor jika Borang Taklimat Tender dan Lawatan Tapak telah dilengkapkan.

Kontraktor atau wakilnya yang sah sahaja hendaklah membawa sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja kerajaan atau Sijil Pendaftaran PUKONSA dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.

Tender yang sempurna diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, ditulis tajuk sebelah kiri atas sampul surat dan dialamatkan kepada **Setiausaha, Jawatankuasa Pembukaan Tender SEDIA, Podium Menara Tun Mustapha, Yayasan Sabah Headquarters Complex, Likas Bay, 88817 Kota Kinabalu, SABAH** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Tender dan Sebut Harga Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah** tidak lewat dari **masa dan tarikh tutup tender** yang tersebut di atas.

Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus dengan Jabatan Perolehan Kontrak dan Tender, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu di no telefon 088-244000.

Lembaga Perolehan SEDIA tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

Pengarah Jabatan Perolehan Kontrak dan Tender
b.p. MAYOR BANDARAYA KOTA KINABALU